



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 5 / 2009
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ELAUN SARA HIDUP

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa perenggan 2 daripada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 12 / 1998 bertarikh 29 Rabiulawal 1419 bersamaan 23 Julai 1998 mengenai **Elaun Sara Hidup** adalah dengan ini dipinda dan pindaan ini akan mula berkuatkuasa **mulai 1 Januari 2010**, iaitu **dari**:

2. Walau bagaimanapun, Elaun Sara Hidup ini akan hanya dikeluarkan sebanyak **75% tiap-tiap** bulan dan bakinya akan disimpan oleh Kerajaan yang mana hasil pulangan simpanan ini akan diberikan pada tiap-tiap tahun mengikut kadar pulangan Tabung Amanah Pekerja. Tabung Simpanan 25% pada tiap-tiap bulan daripada Elaun Sara Hidup ini adalah dihasratkan bagi kegunaan di hari tua dan hanya akan dikeluarkan apabila berpencen atau tamat berkhidmat dengan Kerajaan.

kepada:

2. Elaun Sara Hidup akan dibayar penuh kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan mengikut kadar-kadar yang ditetapkan dalam perenggan 1. Bagaimanapun simpanan-simpanan yang telah terkumpul dari potongan-potongan Elaun Sara Hidup selama ini berserta pulangan-pulangan yang diberikan pada tiap-tiap tahun mengikut kadar pulangan Tabung Amanah Pekerja hanya akan dikeluarkan apabila bersara atau tamat perkhidmatan dengan Kerajaan.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.


[AWANG SA BALI BIN ABAS]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA 1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (5) JPM/SK/2009

Tarikh : 28 Rejab 1430 / 21 Julai 2009